

13/04/1999

Ribut musnah impian Azhar

Wan Jailani Razak

LANGKAWI, Isnin - Tiang layar utama Jalur Gemilang patah tiga dalam kejadian ribut awal pagi ini menyebabkan Azhar Mansor boleh dianggap sebagai sudah terkeluar daripada percubaannya untuk mencatat dua rekod dunia belayar mengelilingi dunia tanpa henti secara solo.

Berikutan itu, beliau yang sudah mengharungi hampir setengah pelayaran mengelilingi dunia selepas 69 hari belayar, dinasihatkan mengemudikan kapal layarnya ke Kepulauan Falkland untuk mendapatkan bantuan.

Keadaan mencemaskan yang dihadapi Azhar di Laut Selatan itu sudah disampaikan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku penaung Projek Cabaran Jalur Gemilang 1999.

Penasihat teknikal dan komunikasi Cabaran Jalur Gemilang, Noel Belman, yang berpangkalan di Awana Porto Malai, di sini, berkata kejadian itu berlaku kira-kira jam 2 pagi waktu tempatan selepas menghadapi ribut lebih 48 jam.

Ketika ditemui di pangkalan itu, beliau berkata Azhar ketika ini berada di barat daya Chile pada kedudukan 600 batu nautika dari Cape Horn, Amerika Selatan dan 900 batu nautika ke Kepulauan Falkland.

"Azhar yang beberapa kali menelefon saya sejak awal pagi ini melaporkan beliau berdepan angin kencang dengan kelajuan sehingga 60 knot menyebabkan kapal layar dua kali mengalami 'pitch pole'.

"Akibatnya, tiang layar utama setinggi 20 meter itu patah pada dua bahagian iaitu satu berhampiran puncak dan satu lagi berhampiran pangkal tiang iaitu pada kedudukan sedikit di atas radar," katanya.

Mengikut istilah pelayaran, 'pitch pole' bermaksud keadaan kapal terumbang-ambing akibat diasak gelombang besar dari arah haluan dan buritan kapal.

Selain itu, katanya, Azhar juga kehilangan satu antena di belakang kapal layarnya, yang dianggarkan berharga RM2 juta buatan Australia.

Beliau berkata, Azhar bagaimanapun tidak mengalami kecederaan serius, sebaliknya cuma menghadapi cuaca sejuk dan terpaksa memperbaiki tiang yang patah untuk meneruskan pelayaran.

Ditanya kenapa Azhar tidak dicadangkan ke limbungan kapal di Punta Arenas, Chile, kerana lokasinya yang lebih dekat dengan pelayar itu berbanding Kepulauan Falkland, Belman berkata ini laluan ke Punta Arenas lebih berliku-liku dan berbahaya.

Tambahan pula, katanya, kebanyakan pelayar yang pernah melalui kawasan itu mencadangkan supaya Azhar mengemudi kapal layar ke Kepulauan Falkland kerana di situ ada pelbagai kemudahan menyenggara kapal.

Belman berkata, Azhar sudah memaklumkan kejadian itu kepada Jabatan Perdana Menteri menerusi e-mel dan cuba mendapatkan bantuan jabatan itu bagi mendapatkan tiang layar baru.

Berikutan tiang layar utama yang patah itu, Jalur Gemilang sekarang belayar dengan kelajuan yang terlalu rendah, iaitu pada kelajuan dua atau tiga knot dan hanya dijangka sampai ke Kepulauan Falkland dalam tempoh sekurang-kurangnya dua minggu lagi.

Azhar juga melaporkan posisi kapalnya kini berada pada latitud 55 37' 06" ke Selatan, longitud 084 43' 11" ke barat dengan kelajuan purata empat knot.

Beliau pernah melalui detik mencemaskan pada 30 Mac lalu apabila Jalur Gemilang nyaris terbalik akibat dilanda ribut di Lautan Selatan.

Ketika itu, tiupan angin sekencang 65 knot menyebabkan tiang utama layar

dua kali condong mencecah laut dan menyebabkan kerosakan serius pada kebanyakan peralatan kapal layarnya.

Jalur Gemilang, bernilai RM 2 juta direka bentuk oleh pereka terkemuka, Scott Jutson. Kapal layar sepanjang 15 meter dan seberat 6.5 tan itu sesuai untuk belayar mengelilingi dunia secara solo.

Azhar berhasrat mencipta dua rekod dunia iaitu pertama, untuk belayar tanpa henti secara solo mengikut laluan baru yang disahkan Majlis Rekod Kelajuan Pelayaran Dunia (WSSRC) dan kedua, memecahkan rekod 105 hari mengelilingi dunia yang dimiliki pelayar Perancis sebelum ini.

Christophe Auguin dari Perancis ialah pemegang rekod belayar mengelilingi dunia selama 105 hari, 20 jam, 31 minit dan 23 saat pada 1997 dengan kapal layar 'Geodis'.

Beliau yang dilahirkan di Padang Katong, Kangar, mendapat pendidikan awal di Kangar English School (kini Sekolah Rendah Kebangsaan Seri Indera) dan meneruskan pengajian ke Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Star, sebelum melanjutkan pelajaran di Politeknik Singapura di peringkat ijazah dalam bidang pengajian laut.

Pelayaran mengelilingi dunia sejauh 21,600 batu nautika itu memerlukan beliau melintasi Lautan Hindi, Cape Leeuwin di Australia, South Cape di New Zealand, Cape Horn di Amerika Selatan, Pulau Fernando De Noronha di Lautan Atlantik, Cape of Good Hope, Afrika dan kembali ke Langkawi pada 13 Jun ini.

(END)